

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: Thursday, 3 August, 2017 12:36 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: MASUM 2017 : 5 Perak Dan 6 Gangsa Di Karnival Sukan MASUM 2017



03 OGOS 2017 / 10 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MASUM 2017 : 5 PERAK DAN 6 GANGSA DI KARNIVAL SUKAN MASUM 2017



PSUKAN ONLINE : Kontinjen Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih lima pingat perak dan enam pingat gangsa di Karnival Sukan MASUM 2017 baru-baru ini bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Pingat perak pertama telah disumbangkan menerusi acara taekwando wanita iaitu Tan Jiun Qing dalam kategori light.

Seterusnya, tiga pingat perak telah disumbangkan menerusi acara karatedo dalam kategori bawah 68 kg, kumite berpasukan wanita dan kata berpasukan lelaki.

Manakala pingat perak terakhir telah disumbangkan menerusi acara bola keranjang lelaki setelah tewas dengan Universiti Malaya (UM) 51-68 di perlawanan akhir.

Sementara itu, pingat gangsa telah disumbangkan menerusi acara taekwando wanita dalam kategori heavy.

Turut menyumbang, empat pingat gangsa menerusi acara karatedo dalam kategori bawah 61 kg, kategori bawah 67 kg dan kategori 84 kg.

Dalam pada itu, pingat gangsa terakhir UUM telah disumbangkan menerusi pasukan memanah wanita dalam acara compound berpasukan wanita gandingan Husna Nadia Abang Sapi, Liyana Farhanah Imran, Nur Fatiha Farhana Mohamed Porzi dan Annurul Faterah Misran.

UUM telah menghantar enam acara sukan daripada 20 acara yang dipertandingkan dalam kejohanan pada kali ini.

Tahniah kepada semua atlet UUM yang telah menyumbang pingat buat UUM.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.